

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah utama yang akan diperkenalkan Kerajaan dalam memperluaskan lagi konsep wakaf sebagai salah satu instrumen penjanaan ekonomi umat Islam dalam negara.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang telah dilancarkan pada 27 September 2021, terdapat sepuluh strategi yang melibatkan peranan wakaf yang meliputi pelbagai aspek seperti menggalakkan sistem kewangan yang mampan dan inklusif serta memanfaatkan sepenuhnya tanah rizab melayu dan instrumen wakaf.
2. Menerusi Pelan Pemerkasaan Pengurusan Wakaf yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, terdapat beberapa inisiatif wakaf yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia bersama dengan Majlis-majlis Agama Islam Negeri ke arah menjadikan wakaf sebagai salah satu instrumen penjana ekonomi umat Islam dalam negara. Antaranya adalah penyediaan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) yang akan menjadi dokumen rujukan pengurusan serta pembangunan wakaf di Malaysia dan juga pewujudan Dana Wakaf Nasional.
3. Selain daripada memperkasakan dana wakaf sedia ada, Yayasan Waqaf Malaysia dengan kerjasama institusi kewangan juga telah mewujudkan produk pelaburan unit amanah yang disinergikan dengan elemen wakaf yang manfaatnya kelak akan diagihkan kepada sektor kesihatan, pendidikan, pembangunan ekonomi dan alam sekitar, iaitu:
 - (a) Dana Kenanga Waqf Al-Ihsan kerjasama dengan Kenanga Investors Berhad; dan
 - (b) Dana Maybank Mixed Assets-i Waqf kerjasama dengan Maybank Asset Management.

NO SOALAN : 17

Insyallah, akan ada beberapa produk seumpama ini akan diperkenalkan bagi memberi peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk berwakaf sekaligus lebih banyak aset-aset wakaf dapat diwujudkan.

4. Selain itu, tanpa menidakkan peranan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di setiap negeri, Yayasan Waqaf Malaysia juga sedang dan akan:

- (a) merencana pelbagai pendekatan bagi membangunkan aset hartanah wakaf agar setanding dengan arus pembangunan ekonomi;
- (b) mewujudkan kaedah pendanaan wakaf melalui inovasi baharu yang lebih kontemporari yang mampu mengembangkan dana wakaf. Contohnya, Sukuk Wakaf, Wakaf REITs, Saham Wakaf, Wakaf Dividen dan sebagainya; dan
- (c) menerokai mekanisme pelaburan jangka panjang yang lain ke arah mengoptimumkan pengemblengan aset wakaf tanpa mengharapkan bantuan dana lain menerusi kaedah pelaburan yang strategik. Pelaburan yang dibuat juga tidak hanya tertumpu kepada deposit atau peletakan tunai di mana-mana akaun pelaburan, tetapi boleh diterjemahkan kepada pelaburan hartanah, pertanian, peladangan dan lain-lain yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.